

(1) Barang Goods	(2) No. Kepala Heading No.	(3) Yunit Unit	(4) Nilai Value
Copra .. .. .	12.01 200	per tonne	\$400.00
Palm Kernel .. .. .	12.01 310	per tonne	\$955.75
Pepper—			
White .. .. .	09.04 130 and 09.04 150	per tonne	\$2,684.00
Black .. .. .	09.04 140 and 09.04 150	per tonne	\$2,049.67

Diperbuat pada 27hb Ogos 1982.

Made the 27th day of August 1982.

[KE. HE. (34.11) 819-2/44; Try. (8.20) 116/1-4; P.N. 250/54-244E/  
Vol. X/44.]

Dengan arahan Menteri Kewangan,

By direction of the Minister of Finance.

MOHD. SHERIFF BIN MOHD. KASSIM,  
Setiausaha,  
Bahagian Cukai, Perbendaharaan  
Secretary,  
Tax Division, the Treasury



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 26  
No. 18

9hb September 1982

TAMBAHAN No. 51  
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 269.

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

#### STATUT UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (PROFESOR EMERITUS) 1982

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Canselor Universiti Pertanian Malaysia membuat, mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 26 tersebut, Statut yang berikut: P.U. (A)  
409/76.

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pertanian Malaysia (Profesor Emeritus) 1982** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1982. Nama dan  
mula ber-  
kuatkuasa.

2. Dalam Statut ini, "Universiti" ertinya Universiti Pertanian Malaysia. Tafsiran.

3. (1) Jika disyorkan oleh Senat, Majlis boleh menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada seseorang Profesor Universiti bagi maksud mengiktiraf keserjanaan yang cemerlang dan perkhidmatan yang gemilang kepada Universiti. Penganuge-  
rahan.

(2) Gelaran Profesor Emeritus tidak boleh dianugerahkan kepada seseorang melainkan jika ia telah berkhidmat dengan Universiti sebagai Profesor selama tempoh tidak kurang dari tujuh tahun.

4. Seseorang Profesor Emeritus hendaklah, bagi maksud-maksud istiadat, mempunyai taraf yang sama dengan seorang Profesor Universiti. Taraf.

Penganugerahan tidak memberi hak atau kuasa.

5. Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada seseorang itu tidak boleh ditafsirkan sebagai memberinya hak untuk menjadi ahli sesuatu pihak berkuasa Universiti atau sesuatu badan lain di Universiti atau sebagai memberinya kuasa bagi menjalankan apa-apa fungsi eksekutif atau pentadbiran.

Diperbuat pada 5hb Julai 1982.  
[KP. S. (PT) 10030/3/Jld. III (7); PN. (PU<sup>2</sup>) 75E.]

TENGGU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH AL-HAJ,  
Canselor,  
Universiti Pertanian Malaysia

(Akan dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah yang berikutan menurut seksyen 26 (4) Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia—P.U. (A) 409/76.)

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

### THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITY AGRICULTURE MALAYSIA

#### UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (EMERITUS PROFESSOR) STATUTE 1982

P.U. (A)  
409/76.

In exercise of the powers conferred by section 26 of the Constitution of the University Agriculture Malaysia, the Chancellor of the Universiti Pertanian Malaysia makes, in accordance with the provisions of the said section 26, the following Statute:

Citation and commencement.

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pertanian Malaysia (Emeritus Professor) Statute 1982** and shall be deemed to have come into force on the 1st January 1982.

Interpretation.

2. In this Statute, "University" means Universiti Pertanian Malaysia.

Conferment.

3. (1) If the Senate so recommends, the Council may confer the title of Emeritus Professor on any Professor of the University in recognition of distinguished scholarship and conspicuous service to the University.

(2) The title of Emeritus Professor shall not be conferred on any person unless he has served the University as a Professor for a period of not less than seven years.

Status.

4. An Emeritus Professor shall for ceremonial purposes rank as a Professor of the University.

Conferment carries no rights or power.

5. The conferment of the title Emeritus Professor on a person shall not be construed as conferring upon him the right to be a member of any University authority or any other body in the

University or as conferring upon him the power to exercise any executive or administrative functions.

Made the 5th July 1982.  
[KP. S. (PT) 10030/3/Jld. III (7); PN. (PU<sup>2</sup>) 75E.]

TENGGU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH AL-HAJ,  
Chancellor,  
Universiti Pertanian Malaysia

(To be laid on the table at the next meeting of the Court pursuant to section 26 (4) of the Constitution of the University Pertanian Malaysia—P.U. (A) 409/76.)

Tanich Warta: 9.9.1982  
P.U. (A) 270.

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

#### STATUT UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (PUSAT KOMPUTER) 1982

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Canselor Universiti Pertanian Malaysia membuat, mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 26 tersebut, Statut yang berikut:

P.U. (A)  
409/76.

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pertanian Malaysia (Pusat Komputer) 1982** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1982.

Nama dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"ahli yang dilantik" ertinya ahli Lembaga yang dilantik di bawah paragraf 7 (1) (h) atau 7 (1) (i);

"Dekan-dekan Fakulti" termasuklah ketua-ketua Yayasan atau Pusat (lain daripada Pusat Komputer) yang bukan sebahagian daripada sesuatu Fakulti;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pusat Komputer yang ditubuhkan di bawah paragraf 6;

"Majlis" ertinya Majlis Universiti ini;

"Pengarah" ertinya Pengarah Pusat Komputer yang dilantik mengikut paragraf 5 (1);

"Pusat" ertinya Pusat Komputer yang ditubuhkan di bawah paragraf 3;

"Senat" ertinya Senat Universiti ini;

"Universiti" ertinya Universiti Pertanian Malaysia.

(2) Rujukan dalam Statut ini kepada sesuatu seksyen adalah rujukan kepada seksyen itu dalam Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia.

P.U. (A)  
409/76.